

MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Color	Full Color
Page No	85	ArticleSize	226 cm ²
AdValue	RM 8,903	PR Value	RM 26,709



Sabah, MISC rebut gelaran juara PTSR

Hafizudin Mohd Safar
sukan@hmetro.com.my

SARAWAK. Sabah dan MISC menepati ramalan apabila mengisi slot pasukan yang bakal bersaing pada perlawanan akhir Piala Tun Sharifah Rodziah (PTSR) Stadium Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, petang ini.

Kedua-dua pasukan kini fokus terhadap matlamat muncul juara dengan MISC berusaha mempertahankan kejuaraan manakala Sabah memburu gelaran ke-12 sejak kejohanan itu diperkenalkan pada 1976.

Sabah mengesahkan tiket ke final selepas menewas

kan Kedah 5-0.

Gol skuad jurulatih Smith M Ampuling itu dijaringkan Nurul Azurin Mazlan pada minit ke-11, Yasrika Laura Tumas (m-44), Shereilynn Elly Pius (m-45), Nurul Azurin (m-48) dan Usliza Usman (m-52).

MISC yang dibimbing Ananthan M Raman pula meleburkan benteng pertahanan Sarawak menerusi jaringan Nurul Hamira Yusma Yusri (m-7) serta Haindee Mosroh (m-27 dan 34).

Sementara itu, perlawanan penentuan tempat ketiga dan keempat antara Kedah dan Sarawak akan berlangsung di stadium sama, jam 8 pagi ini.

Headline	Sabah, MISC rebut gelaran juara PTSR		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Color	Full Color
Page No	85	ArticleSize	226 cm ²
AdValue	RM 8,903	PR Value	RM 26,709



PENYERANG MISC Dadree Rofinus (dua dari kanan) diasak pertahanan Sarawak Ashikin Anuar di Kompleks Sukan UUM.



PENYERANG Kedah Nurul Ashikin Jasrie (kiri) bersaing dengan pertahanan Sabah Shereilynn Elli Pius.